

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Sedia ubah **minda** capai negara maju

Intipati Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak wajar dilihat sebagai dokumen penting bakal memeta hala tuju negara mencapai impian menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Najib membentangkan RMK11 dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan RM260 bilion iaitu tambahan RM30 bilion berbanding RMK10 yang lalu. Pelan pembangunan bagi tempoh 2016-2020 ini merangkumi enam strategi tumpuan iaitu inklusiviti, kesejahteraan rakyat, modal insan, pertumbuhan hijau, infrastruktur, inovasi dan produktiviti.

Lonjak pendapatan

Antara yang banyak diberi penekanan dalam RMK11 ialah golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau dikenali sebagai B40 dengan pelbagai perancangan disusun bagi melonjakkan pendapatan kelompok tersebut daripada RM2,500 sebulan pada 2014 kepada lebih RM5,000 pada 2020 selain penekanan terhadap strategi menangani kos sara hidup.

Intipati lain yang menarik ialah pembinaan enam hospital baharu dan 165 Klinik 1Malaysia, pembinaan 80 sekolah dalam tempoh dua tahun pertama RMK11, disasarkan 80 peratus graduan dapat kerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat belajar, pembinaan 3,000km jalan berturap di luar bandar, pembangunan 653,000 unit rumah mampu milik serta baik pulih 400,000 rumah di luar bandar.

Di samping itu beberapa golongan tersasar juga mendapat perhatian khusus antaranya golongan OKU iaitu kerajaan dengan kerjasama swasta bakal membina tujuh lagi pusat kehidupan berkahari memberi manfaat kepada 11,000 OKU. Orang Asli dan Bumiputera Sabah dan Sarawak pula bakal menikmati pemberian hak milik tanah adat atau NCR bagi menggalakkan pembangunan tanah dengan teknologi moden.

Tiga kaum utama negara ini diberikan tumpuan, misalnya Program Skim Pinjaman Khas Kampung Baru Cina diteruskan dengan menumpukan kepada pinjaman mikro kredit.

Kerajaan bakal menyediakan satu pelan rangka tindakan yang menggariskan hala tuju pembangunan sosioekonomi kaum In-

dia. Seterusnya Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang dilancarkan pada 2013 akan diteruskan untuk mensasarkan kadar 30 peratus Pemilikan Ekuiti Bumiputera berjaya dicapai menjelang tahun 2020.

Hakikatnya, di atas kertas segala dibentangkan dilihat cukup cantik membabitkan segenap lapisan masyarakat dan bakal menjanjikan masa depan gemilang serta negara berwajah baru pada 2020. Namun realitinya kejayaan segala perancangan ini banyak bergantung kepada kerjasama dan pembabitkan semua pihak.

Seperti kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, dokumen RMK11 bukan dokumen kerajaan semata-mata sebaliknya ini hak rakyat dan memerlukan pembabitkan masyarakat bukan saja di peringkat kepimpinan. Tambah beliau lagi, perpaduan, kestabilan politik dan kemantapan ekonomi adalah asas utama dalam melaksanakannya memandangkan ia mesti dijayakan bersama.

Justeru, penulis melihat kejayaan RMK11 banyak bergantung kepada kerjasama kerajaan dan segenap lapisan rakyat merangkumi bandar, luar bandar, golongan profesional, penjawat awam, pekerja swasta dan peniaga. Hal ini penting kerana pelan ini membabitkan semua lapisan masyarakat, sudah semestinya kejayaannya kelak menguntungkan semua pihak secara total dan menyeluruh.

Apa yang pasti menjelang 2020 kita tidak mahu ada rakyat masih terpinggir daripada arus pembangunan diilhamkan oleh status negara maju berpendapatan tinggi.

Bangunkan tamadun

Walaupun matlamat akhir RMK11 menjelang 2020 ialah pendapatan perkapita rakyat meningkat kepada AS\$15,000 (RM54,075) tercapai, kita tidak boleh mendefinisikan negara maju dari sudut pendapatan perkapita semata-mata. Seperti kata Perdana Menteri, kita perlu membangunkan sebuah tamadun yang holistik iaitu masyarakatnya memiliki nilai tinggi, berakhlak, mencintai ilmu pengetahuan, rajin membaca, menghargai seni budaya dan warisan serta memiliki minda mencerminkan rakyat sebuah negara maju. Ringkasnya masyarakat perlu turut berubah

dari segi tingkah laku, sikap, cara berfikir, cara bekerja serta gaya hidup agar selari dengan minda rakyat negara maju.

Persoalannya sejauh mana rakyat bersedia untuk berubah dan memasuki gelanggang negara maju dalam tempoh kurang daripada lima tahun akan datang? Mengambil kira situasi semasa dalam masyarakat, penulis masih khuatir dan betapa rakyat kita masih belum bersedia sepenuhnya untuk menempuh satu lagi fasa baru dalam melakar sejarah moden negara ini. Hakikatnya perpaduan dan persefahaman dalam kalangan rakyat pada hari ini semakin membimbangkan. Kita mudah terkesan dengan isu sensitif yang mula diperdebatkan secara terbuka. Akibatnya perasaan curiga dan prasangka buruk mula mengambil tempat. Walaupun tidak membabitkan kelompok majoriti, keagresifan kelompok minoriti ini sekali-sekala mencemaskan, mencetuskan kegusaran dan menggoncang jambatan perpaduan yang kita pertahankan selama ini.

Cetus provokasi

Ini ditambah dengan senario politik negara yang suhunya terus meningkat dari hari ke hari dengan pelbagai isu panas disulami tindak-tanduk ahli politik cuba mencetuskan provokasi dalam kalangan masyarakat. Akibatnya rakyat terus terpisah mengikut ideologi politik masing-masing hingga mengutamakan agenda peribadi, sekali gus membelakangkan kepentingan rakyat dan negara. Jelas dalam hal ini yang rugi rakyat dan negara secara keseluruhannya.

Andai kita ikhlas ingin mencapai status negara maju, inilah masanya untuk berubah. Percayalah, kita belum terlewat. Masih ada lima tahun untuk mengecapi impian terbabit. Apa yang penting kita perlu fokus dan mengutamakan kepentingan negara dan rakyat berbanding kepentingan peribadi. Korbankanlah sedikit rasa ego yang selama ini menghalang kesepaduan dan kesepakatan kita. Apa guna maju dari segi pembangunan andai rakyat tidak bersatu, berpecah-belah dan tidak menghayatinya sebagai sebuah bangsa merdeka dan maju setaraf negara maju lain.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM